

SUMBANGAN MUHAMMAD AL-QASIM DAN PERKEMBANGAN ISLAM DI SIND SELEPAS ZAMANNYA

Azharudin Mohamed Dali

Pendahuluan

Islam yang muncul di Tanah Arab telah melalui perkembangan yang sangat pesat. Dari Kota Mekah, Islam tersebar ke Madinah dan kota-kota lain sebelum melebarkan pengaruhnya ke luar dari Semenanjung Tanah Arab, memasuki Asia Tengah hingga ke sempadan China. Salah sebuah wilayah yang tidak terlepas dari pengaruh Islam adalah Benua Kecil India, yang telah mempunyai hubungan dengan Tanah Arab terutamanya dalam bentuk perdagangan yang telah berlangsung sejak zaman Mohenjadaro dan Harappa. Jumpaan arkeologi di Lothal, Kalibangan, Kajor, Bahrain, Urr dan Kish, menunjukkan bahawa hubungan antara kedua wilayah telah berlangsung sekurang-kurangnya 2300-1800 S.M.¹ Yaman yang terletak di penghujung Laut Arab memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan antara Semenanjung Tanah Arab dengan Benua Kecil India.

Pengetahuan dan kemahiran pedagang Arab dalam bidang pelayaran dibantu dengan teknologi tinggi seperti penggunaan

kompas (al-huqqa) telah membolehkan mereka menguasai laluan perdagangan yang merentasi Lautan Hindi hingga ke Laut China Selatan. Malah hubungan ini telah yang mendekatkan Semenanjung Tanah Arab dengan Benua Kecil India. Pedagang-pedagang Arab telah berkunjung secara tetap ke Malabar, Koromandel, Gujarat, Kathiawar dan Sarandip (Sri Lanka).

Dalam era pra-Islam, barangan dagangan dan buatan India seperti rempah ratus, kain dan pedang telah menjadi komoditi dagangan yang penting di Hijaz. Sebagai contoh pedang buatan India yang dikenali oleh orang Arab sebagai 'al-Muhannad' mempunyai mutu yang tinggi dan sangat digemari oleh orang Badwi (Beduin).² Dari sudut yang lain, India turut memberikan sumbangan yang besar kepada hubungan perdagangan antara kedua-dua wilayah kerana mempunyai sumber untuk pembuatan kapal yang dapat diperolehi dari Benua Kecil tersebut.³ Aktiviti perdagangan di antara kedua buah wilayah bukan sahaja berlangsung melalui jalan lautan tetapi juga melalui daratan.⁴ Perdagangan daratan membabitkan wilayah Barat Laut India yang bersambung dengan Asia Tengah, bahagian Timur Iran, Baluchistan dan Makran.⁵ Dari dua laluan ini orang Arab memasuki Benua Kecil India.

Aktiviti perdagangan dilihat merupakan antara medium perkembangan Islam yang sangat penting termasuklah di Benua Kecil India. Aktiviti yang berjalan secara dua hala menyaksikan pertempatan petempatan masyarakat Arab di India, hal yang sama turut berlaku di Tanah Arab di mana pedagang India telah membentuk petempatan mereka di Basra, Syria dan Kaskar. Mereka dikenali sebagai Bayasirah, Zat (Jat), Asawarah, Siyabja/Sayabijah, Ahamira/Ahmaira, Tukakirah dan Maid. Masyarakat India memang telah bertapak dan dikenali di Semenanjung Tanah Arab, termasuklah kalangan pengamal perubatan dan sememangnya dikenali sebagai golongan yang mahir dalam mengubati penyakit. Menurut Imam Bukhari, apabila A'isha Siddiqah jatuh sakit, doktor berbangsa Jat berjaya mengubati penyakit beliau.⁶ Ketika Perang Unta berlangsung, Khalifah Ali meletakkan kepercayaannya kepada orang Jat untuk menjaga perbendaharaan Basra. Mereka juga bertugas sebagai pengawal penjara, akauntan, pelayan rumah tetamu dan pengawal keselamatan.⁷

Hubungan perdagangan antara kedua wilayah menjadi begitu pesat pada abad 7 Masihi. Pedagang Arab menjadi orang tengah dalam memasarkan barangan dari India dan Timur Jauh ke Eropah.⁸ Pedagang-pedagang dari Tanah Arab, Persia dan Turki juga telah datang ke India dengan membawa bersama mereka barangan dari Eropah termasuklah dari Rom Timur dan Mesir. Pedagang-pedagang

Arab mempunyai kedudukan yang tinggi dan dihormati oleh masyarakat tempatan. Penghormatan ini bukan sahaja kerana kekayaan yang mereka miliki tetapi juga kerana pegangan agama Islam yang mereka anuti termasuklah konsep persamaan taraf yang tidak terdapat dalam kehidupan sosial masyarakat tempatan. Ia secara langsung menjadi antara benih-benih penting dalam perkembangan Islam di Benua Kecil India.

Islam telah bertapak di India sekurang-kurangnya pada abad ke 8 Masihi. Sebelum pertapakan itu, utusan-utusan Islam telah dihantar ke India sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. lagi.⁹ Malahan Khalifah Umar al-Khatib turut dikatakan menghantar utusan ke negara yang dikenali sebagai al-Hind melibatkan juta Thana, Broach dan Debal. Malah tentera Islam di bawah pimpinan Al-Hakam bin Abu al-As juga telah sampai ke Broach dan Al-Mughirah b. Abi telah tiba ke perairan Daybul sekitar 638 Masihi, namun gerakan itu tidak diteruskan kerana tidak menerima keizinan daripada Saidina Umar. Saidina Uthman bin Affan juga mengarahkan gabenor Iraq untuk melakukan tinjauan dan mengumpulkan maklumat mengenai Benua Kecil India.¹⁰ Ekspedisi ini diketuai oleh al-Hakim bin Jabal al-Abri dan setelah kembali melaporkan,

“water is scarce, the fruits are poor and the robbers are bold; if few troops are sent they will be slain, if many they will starve”.¹¹

Laporan al-Hakim ini dicatatkan oleh al-Baladhuri (892 M) dalam kitabnya *Futuh al-Buldan* dan menyebabkan khalifah memberhentikan sebarang usaha mengenai al-Hind. Ekspedisi membabitkan India hanya dilakukan semula pada zaman pemerintahan Khalifah Ali apabila beliau membenarkan al-Harith al-Abdi untuk menawan Makran. Tidak pula disebutkan mengapa langkah ini diambil, namun demikian kedudukan Makran yang sangat strategik dapat menghubungkan dataran Iran dengan Lembah Indus pastinya diambil kira terutamanya dalam percaturan strategi ketenteraan mahupun perdagangan.¹² Walau bagaimanapun usaha ini gagal apabila beliau terbunuh di Qiqan yang terletak bersempadan antara Sind dan Khurasan.¹³ M.S Khan mengatakan, secara keseluruhannya, sebanyak 15 ekspedisi telah dilakukan membabitkan wilayah di Barat Laut termasuklah di Mukran, Thana, Bharoch, Sind, Qayqan dan Qandabil meskipun pendudukan secara kekal tidak berlangsung sehingga kehadiran tentera Muhammad al-Qasim.¹⁴ Khalifah Muawiyah pula telah menghantar dua ekspedisi ke India yang diketuai oleh Sawar al-Abdi, telah berjaya menguasai Qiqan dan membawa balik kuda

untuk dihadiahkan kepada khalifah. Ekspedisi kedua, diketuai oleh al-Sinam al-Hadhli yang berjaya menguasai Makran.¹⁵

Wajar juga untuk disebutkan bahawa ketika ini, Islam merupakan suatu kuasa yang sangat berpengaruh, malah pada zaman Umayyah, kekuatan angkatan laut Islam telah membolehkan mereka menguasai Teluk Parsi, Lautan Hindi dan Laut Arab. Keadaan ini secara langsung menyumbang kepada perkembangan Islam ke arah timur. Pedagang-pedagang Islam yang belayar ke timur akan menggunakan laluan Teluk Parsi sebelum memasuki Taiz di Baluchistan. Setelah itu, pedagang ini akan memasuki pelabuhan Thana di Gudjarat. Pelabuhan-pelabuhan lain yang penting di sepanjang pantai barat India ialah Khambayat, Sanbara, Cemoor, Bahroach, Bharbhut, Ghandhar, Ghogha dan seterusnya ke Surat. Pedagang Islam kemudiannya akan terus belayar ke selatan dan memasuki wilayah Madras, Malabar, Tanjung Comorin, Travankore, Mangalore, Vandapur, Calicut dan seterusnya ke Teluk Benggala. Pusat pelabuhan yang penting di Teluk Benggala ini dikenali sebagai Silhet atau Syilat dan Sadjam atau Chittagong sebelum belayar memasuki Selat Melaka.¹⁶ Di pelabuhan-pelabuhan ini wujud komuniti-komuniti awal Arab di India. Secara keseluruhannya, kehadiran Islam dalam tahap awal dapat dikesan melalui tiga tahap. Pertama, secara terus dari Tanah Arab, kedua, dari Iran, Afghanistan dan Baluchistan dan ketiga bersama ekspedisi ketenteraan Muhammad al-Qasim.¹⁷ Kewujudan mereka pada awalnya hanyalah dalam jumlah yang kecil, namun menjadi 'pembuka jalan' kepada kehadiran Islam di India.

Muhammad al-Qasim dan Ekspedisi Ketenteraan di Sind¹⁸

Sejak sekian lama, pelabuhan di wilayah Sind dan Gudjarat merupakan pusat persinggahan yang penting kepada pedagang-pedagang Arab. Sind bukan sahaja penting kepada perdagangan maritim tetapi juga perdagangan daratan (overland trade).¹⁹ Dengan kehadiran Islam, pelabuhan-pelabuhan di wilayah ini mula menjadi tumpuan pedagang Islam, malahan sebahagian dari mereka telah menetap di sini. Sewaktu kedatangan al-Mas'udi, seorang pelayar dan pengembara Islam yang terkemuka ke Gudjarat dan Sind, beliau telah melihat terdapat sekurang-kurangnya 10,000 orang Arab dan keturunan campuran mereka di Cemoor iaitu sebuah pelabuhan penting di Gudjarat. Mereka juga menetap di Khambayat.²⁰ Selain kitab *Futuh al-Buldan* tulisan Baladhuri, satu lagi sumber yang sangat penting untuk melihat kehadiran Islam di Benua Kecil India terutamanya di Sind ialah *Chach-*

Nameh atau *Kitab Futuh al-Sind* yang ditulis dalam bahasa Persia sekitar 13 M. Kitab ini memberikan perhatian kepada kehidupan Raja Chach dan mengandungi ekspedisi Muhammad al-Qasim yang disifatkan sebagai , "the most valiant among the most valiant heroes of his time".²¹

Wilayah Sind merupakan antara wilayah di India yang menjadi tapak kehadiran Islam yang paling awal. Hal ini berlaku pada zaman pemerintahan Umayyah, al-Walid ibn al-Malik atas cadangan al-Hajjaj b. Yusuf As-Saqafi²² telah menghantar satu delegasi ketenteraan ke wilayah ini. Tindakan ini dilakukan bagi melindungi pedagang-pedagang Islam di perairan Sind yang sering diganggu oleh Raja Dahir. Raja Dahir merupakan pemerintah Sind beragama Hindu. Pemerintahan beliau agak lemah hingga tidak mampu mengawal keseluruhan perairan Sind dan membolehkan munculnya beberapa kumpulan lanun yang bermaharajalela mengganggu kapal-kapal dagang. Dalam satu peristiwa, kumpulan lanun ini telah mengganggu kapal-kapal dagang Islam dan selanjutnya menahan wanita dan kanak-kanak Islam yang dikirimkan oleh Raja Sarandip atau Sri Lanka kepada Al-Hajjaj.²³ Wanita dan kanak-kanak ini merupakan janda-janda dan anak-anak pedagang Islam yang telah meninggal dunia di Sri Lanka. Berikutan dari itu, Al-Hajaj dikatakan telah meminta agar Raja Dahir membantu untuk membebaskan wanita-wanita Islam tersebut. Namun demikian, Raja Dahir enggan dengan alasan bahawa tindakan lanun-lanun tersebut adalah di luar kekuasaannya. Jawapan Raja Dahir ini tidak memuaskan hati al-Hajaj dan mengambil keputusan menghantar ekspedisi ketenteraan.²⁴

Murray M. Titus berpendapat penghantaran misi ketenteraan yang diketuai oleh Muhammad al-Qasim bukan sekadar untuk 'menghukum' Raja Dahir kerana keengganannya membantu melepaskan wanita dan kanak-kanak yang telah ditawan lanun di Sind, sebaliknya ia juga mempunyai motif agama. '*...For the purpose of striking a blow at idolatry and polytheism and of establishing Islam*'.²⁵ Terdapat juga pandangan yang melihat bahawa kehadiran Muhammad al-Qasim ke Sind, selain memenuhi tuntutan al-Hajjaj untuk menguasai wilayah tersebut, ia juga sebagai satu usaha untuk sampai ke China melalui laluan Kashmir dan Turfan. Laluan ini menjadi pilihan kepada Muhammad al-Qasim setelah Qutaibah b. Muslim memilih laluan utara untuk masuk ke China. Malahan Hajjaj dikatakan telah berjanji akan melantik sesiapa yang pertama sekali menjejakkan kaki ke China sebagai gabenor.²⁶ Pandangan lain melihat bahawa tindakan Hajjaj ini sebenarnya berakar dari usaha beliau menghapuskan musuh-musuhnya yang bersembunyi di Sind. Musuh yang dimaksudkan ialah Muhammad Harith Alafi seorang ketua bani Asamiah yang melakukan

pemberontakan terhadap gabenor Makran iaitu Sari'a b. Aslam Kalabi pada 704 Masihi.²⁷ S.M. Ikram mengatakan;

"Some of his Arab enemies had escaped and taken service with the ruler of Sindh, and this might have been an additional reason for his anxiety to deal firmly with Dahir".²⁸

Dua ekspedisi ketenteraan telah dilakukan. Pertama, diketuai oleh Ubaid Allah al-Sulaiman dan kedua oleh Budail al-Banjali ke Debal yang menerima bantuan dari gabenor di Makran untuk menyerang Raja Dahir. Anggota tentera seramai 3000 orang disediakan dan sewaktu sampai ke Debal, tentera Islam terpaksa berhadapan dengan Jaisiyah, anak Raja Dahir. Dalam pertempuran ini, Budail terkorban.²⁹ Kegagalan dua ekspedisi ini benar-benar menguji kesabaran al-Hajjaj dan setelah itu, Hajjaj mengutuskan Muhammad al-Qasim yang masih berusia 17 tahun³⁰ ke Sind. Pasukan ini digerakkan pada 706 Masihi (87 Hijrah) dengan anggota seramai 60,000 orang.³¹ Menyedari bahawa dua ekspedisi yang gagal sebelumnya dilaksanakan dengan menggunakan jalan laut, ekspedisi Muhammad al-Qasim ini digerakkan dengan menggunakan laluan daratan.³² Pasukan ini bergerak merentasi Shiraz (Iran) dan memasuki Makran di wilayah Sind pada 17 November 711 Masihi. Gerakan ekspedisi ini melalui tahap-tahap tertentu. Baladuri, pernah mengatakan bahawa gerakan ketenteraan ini bergerak melalui Qannazpur (Panjgur), Armanbela (Lasbela) dan Qanbuli. Laluan inilah yang pernah digunakan oleh Iskandar Zulkarnain sewaktu berjaya memasuki India.

Kota Daibul atau Debal merupakan kota pertama yang jatuh ke tangan tentera Islam. Muhammad al-Qasim memasuki Daibul melalui laluan Manghopir yang dikatakan telah menjadi laluan keluar-masuk ke wilayah Sind sejak awal zaman pertengahan lagi.³³ Setelah berjaya di Daibul, Muhammad al-Qasim turut menawan kota-kota yang lain termasuklah Multan. Penguasaan ke atas Multan merupakan *turning point* yang penting kerana ia menjadi pembuka jalan kepada perluasan yang selanjutnya.³⁴ Ekspedisi ketenteraan Muhammad al-Qasim ini turut disokong oleh pasukan tentera laut yang dipimpin oleh Khuraym b. Amr' dan Ibn Mughairah. Penggunaan kapal laut ini bukan sahaja untuk mengangkut tentera tambahan dan bekalan makanan untuk kegunaan ketenteraan, tetapi lebih penting lagi ia digunakan untuk mengangkut senjata termasuklah manjanik³⁵ yang dikatakan menjadi antara punca penting kejayaan ekspedisi Muhammad al-Qasim. Manjanik yang dinamakan sebagai '*al-urus*' merupakan antara senjata utama dalam ekspedisi menentang Raja Dahir. Kapal-kapal tentera Islam ini kemudiannya berlabuh di pelabuhan Thatta atau Daibul

berhampiran Karachi pada hari ini.³⁶ Hajjaj juga dilaporkan memberikan nasihat berguna kepada Muhammad al-Qasim,

“When you advance in the battle, see that you have the sun behind your back. If the sun is at your back then its glare will not prevent you from having a full view of the enemy. Engage in fight immediately, and ask for the help of God. If any of the people of Sindh ask for mercy and protection, do give it to them but not to the citizen of Debal, who must all be put to the sword”³⁷

Terdapat kisah menarik yang membawa kejayaan Muhammad al-Qasim menawan kota Daibul.³⁸ *Al-Urus* telah berjaya menjatuhkan bendera merah yang berada di atas menara sebuah kuil di bahagian timur kota ini dan ia telah menjatuhkan moral tentera Hindu hingga kemudiannya secara mudah dikuasai oleh Muhammad al-Qasim.³⁹ Setelah Daibul, beberapa kota lain di wilayah Sind turut jatuh ke tangan Islam seperti Nerun, Sehwan, Rawar, Aror, Sawandari dan Brahmabad.⁴⁰ Dalam pertempuran pada bulan Jun 712 Masihi, Raja Dahir telah terbunuh dan secara langsung Sind jatuh ke tangan Muhammad al-Qasim. Secara keseluruhannya, kira-kira tiga tahun setengah (Mei-Okt 711 hingga April 715 Masihi) digunakan oleh Muhammad al-Qasim untuk menguasai Sind termasuklah Makran, Multan dan Kaira di Guhjarat. Kejayaan ini dilihat sebagai satu kejayaan yang membanggakan bukan sahaja kemampuan tentera Islam yang digerakkan oleh Muhammad al-Qasim, tetapi juga melalui tindakan beliau untuk memastikan bahawa setiap wilayah dan bandar yang jatuh ke tangan Islam tidak berada dalam keadaan huru-hara sebaliknya terus ditadbir dengan baik.⁴¹ Walau bagaimanapun, kemenangan ke atas Raja Dahir dan Sind tidak semudah yang disangka kerana tentera Islam menghadapi tentangan sengit daripada musuh sejak awal lagi.

Tentera Muhammad al-Qasim bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan tentera musuh yang besar jumlahnya hasil daripada usaha Raja Dahir mendapatkan sokongan raja-raja Hindu tetapi juga terpaksa berhadapan dengan serangan penyakit, yang telah menyerang kuda-kuda tentera mahupun di kalangan tentera sendiri. Tentera Muhammad al-Qasim misalnya dilaporkan mengidap penyakit *skurvi*⁴² hingga memaksa bantuan ubatan diminta daripada Hajjaj. Cuka yang digunakan untuk mengubati *skurvi* direndam bersama kapas sebelum dikeringkan. Tindakan ini dilakukan secara berterusan sehingga kapas tersebut tidak lagi mampu menampung cuka tersebut dan seterusnya dihantar ke Sind. Bagi mendapatkan cuka tersebut, kapas akan

direndam di dalam air. Kaedah ini sangat efektif terutama dalam keadaan peperangan dan jarak yang jauh.⁴³

Tentera Islam juga berhadapan dengan 'tentangan' kaum wanita Hindu terutama dari kelas atasan yang sanggup melakukan *jauhar* iaitu menerjunkan diri di dalam api bagi mengelak dari jatuh ke tangan musuh. Tradisi *jauhar* ini merupakan tradisi Hindu. Mereka yang ditangkap sama ada akan diislamkan atau dikehendaki untuk membayar *jizyah*. *Chah-nameh* melaporkan bahawa setelah berjaya menawan Rawar, jumlah penduduk yang dijadikan sebagai tawanan perang berjumlah 60,000 di mana 30 daripadanya ialah gadis dari kalangan keluarga diraja. Mereka telah dipersembahkan kepada Hajjaj yang kemudiannya dibawa kepada Khalifah al-Walid. Sebahagian daripada mereka dijual sebagai hamba yang masih menjadi amalan ketika itu. Andre Wink misalnya menulis, '*a considerable number of Jats was captured as prisoners of war and deported to Iraq and elsewhere as slaves*'.⁴⁴ Wanita tempatan pula akan diislam dan dikahwinkan dengan tentera-tentera Arab yang kemudiannya menetap di bandar-bandar di Sind. Kebanyakan wanita tersebut terdiri daripada kalangan janda yang suami mereka terbunuh dalam peperangan.

Asas Kejayaan Muhammad al-Qasim

Kemenangan tentera Islam dalam peperangan di Sind adalah kerana kebijaksanaan Muhammad al-Qasim untuk mengatur strategi peperangan. Gerakan tentera darat dan laut secara serentak telah berupaya untuk melemahkan pertahanan musuh, malah penggunaan alatan senjata seperti manjanik turut merobohkan saki baki pertahanan yang dimiliki oleh Raja Dahir. Dalam masa yang sama, masalah dalaman di kalangan tentera Raja Dahir kerana terdapat tentera yang tidak menunjukkan kesetiaan mereka. Hussain Khan mengatakan,

"It so happened that during the final operation against Raja Dahir, some of his contingent men dissented from his major army, went over to the Muslims and revealed to them the weak point of Raja Dahir's front. Then they led the Muslim contingents to the vulnerable point, which easily capitulated and turned scale against Raja Dahir, resulting in his defeat and death".⁴⁵

Malahan penganut-penganut agama Buddha di Sind juga yang memegang fahaman 'non-violence' enggan membabitkan diri dalam peperangan.⁴⁶

"At Nirun, the Buddhist priests had welcomed the general [Muhammad al-Qasim], and at Sehwan the populace revolted against the Hindu governor and submitted to Muhammad al-Qasim"⁴⁷

Hal ini bertepatan dengan laporan oleh Hiuen Tsang, seorang pengembara China yang telah sampai di Sind pada 641 M, mengatakan bahawa penganut agama Hindu dan Buddha saling bertentangan antara satu sama lain.⁴⁸ Lebih penting lagi kehadiran Muhammad al-Qasim untuk menguasai Sind menjadi semakin mudah bukan sahaja kerana adanya 'pembelotan' di kalangan tentera Raja Dahir tetapi juga wujudnya sokongan penduduk Sind. Malahan sebahagian penduduk Sind telahpun membuat hubungan lebih awal dengan Hajjaj sebelum kedatangan Muhammad al-Qasim sebagaimana yang berlaku di Nerunkot. Gabenor Nerunkot iaitu Sunder telahpun menghubungi Hajjaj dan berjanji akan membantu tentera Islam, malahan Sunder telah membayar cukai *kharaj* dan apabila Muhammad al-Qasim tiba di Nerunkot, kota ini diserahkan kepadanya tanpa sebarang pertumpahan darah. Selain dari itu, penduduk Sind juga turut memeluk Islam atau memihak kepada Muhammad al-Qasim. Antara golongan pertama yang memeluk Islam adalah orang Chanas di Sehwan. Orang Sehtah, Macchi, Halier dan Korija di Brahmabad pula memihak kepada Muhammad al-Qasim apabila tentera Islam tiba di bandar tersebut.⁴⁹

Walau bagaimanapun, kemenangan Muhammad al-Qasim di Sind ini tidak diteruskan ke kawasan-kawasan yang lain. Sehingga ke tahap ini, tentera Islam dilihat tidak mempunyai sebab yang kukuh untuk meneruskan penguasaan mereka di bumi India. Ini kerana hanya pada tiga abad berikutnya sahaja Islam benar-benar memberi impak yang besar ke atas masyarakat di benua kecil ini. Ini bermakna tempoh antara kehadiran Muhammad al-Qasim dan kedatangan tentera Mahmud al-Ghaznawi pada abad ke 11 sebagai tahap permulaan kehadiran Islam di India. Kesan dari kematian al-Walid, Sulaiman Abd Malik yang bermusuhan dengan al-Hajjaj telah memanggil Muhammad al-Qasim serta Musa bin Nusair di Afrika agar kembali ke Damsyik. Mereka dituduh ingin menjatuhkan kerajaan, ditangkap dan dipenjarakan hingga akhirnya Muhammad al-Qasim meninggal dunia dalam penjara.⁵⁰ Setelah Muhammad al-Qasim dipanggil balik, Sind berada di bawah pimpinan Yazid Ibn Abi Kabsyah, namun meninggal dunia selepas 18 hari memegang jawatan tersebut⁵¹ sebelum digantikan oleh Habib ibn Muhallab pada 716 masihi.⁵²

Sumbangan Muhammad al-Qasim

Dalam melihat kehadiran dan kejayaan Muhammad al-Qasim, sarjana masih berbahagi pendapat mengenainya. Setengah sarjana melihat kehadiran Muhammad al-Qasim tidak membawa makna besar dalam Islamisasi di India. Ini kerana Islam dikatakan tidak tersebar luas dan hanya bertumpu di wilayah Sind sahaja.⁵³ Setengahnya pula mengatakan bahawa kehadiran Muhammad al-Qasim merupakan *'...one of the most important events in the literary history of mankind which inaugurated the great literary and intellectual interaction between the Muslim society and South Asian sub-continent'*.⁵⁴ Pandangan pertama seolah-olah menafikan sama sekali sumbangan besar yang telah dilakukan oleh Muhammad al-Qasim dalam perkembangan Islam di India sementara pandangan kedua, memerlukan pembuktian yang jitu yang tidak sedikit mendatangkan masalah. Walau bagaimanapun penulisan ini melihat bahawa kehadiran Muhammad al-Qasim sememangnya sangat penting dan membawa kesan besar dalam melihat kehadiran Islam di Sind khususnya dan Benua Kecil India amnya. Ia bukan sahaja dilihat sebagai asas perkembangan Islam di Sind tetapi juga mampu menonjolkan kebaikan Islam kepada masyarakat bukan Islam di Sind. M.S. Khan mengatakan,

"Soon after the conquest, the Arabs gained complete control of the sea ports and maritime routes in northern and western India and the Indian Ocean with Indonesia; the Malay Peninsula upto Canton in China".⁵⁵

Kebaikan Islam dilihat dari dasar yang dilakukan oleh Muhammad al-Qasim terhadap kalangan bukan Islam yang tewas dalam peperangan. Mereka bukan sahaja dilayan dengan baik malah turut diberikan kembali kedudukan mereka seperti sebelumnya. Mereka juga tidak diugut dan dipaksa untuk memeluk agama Islam. Malahan jentera pentadbiran yang dibentuk oleh Muhammad al-Qasim telah diterima oleh masyarakat tempatan dan diakui sebagai sistem pentadbiran yang baik dan berkesan.⁵⁶ Bagi memudahkan urusan pentadbiran, Sind telah dibahagikan kepada empat wilayah iaitu Sehwan, Brahmabad, Uch dan Multan. Alor pula menjadi ibu kota Sind.⁵⁷ Ikrimah b. Rayhanah al-Shami telah dilantik sebagai gabenor di Multan.⁵⁸ Usaha untuk menarik masyarakat tempatan yang beragama Hindu dan Buddha juga dijalankan dan ia dilakukan dengan cara yang lembut. Dalam hal ini, Patricia Risso mengatakan bahawa penganut agama Buddha dilihat lebih mudah tertarik kepada Islam berbanding masyarakat Hindu, kerana pembabitan mereka dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan di kawasan bandar di Sind hingga menyebabkan interaksi mereka dengan masyarakat Islam lebih luas.

Hal ini berbeza jika dibandingkan dengan penganut agama Hindu yang bertumpu di kawasan luar bandar.⁵⁹ Muhammad al-Qasim juga meninggalkan satu contoh teladan yang sangat penting dalam bidang pentadbiran di India. Beliau tidak melihat perbezaan antara agama sebagai batasan dalam membentuk satu hubungan erat antara satu sama lain. *Chach Nameh* mencatatkan,

“When the people of Brahmanabad approached him [Muhammad Al-Qasim] for permission to repair a temple, he informed them of the following decision by the home government: ‘As they have made submission, and have agreed to pay taxes to the Khalifah, nothing more can be properly required from them. Permission is given them to worship their gods. Nobody must be forbidden or prevented from following his religion...’.”⁶⁰

Kejayaan Muhammad al-Qasim juga dilihat sebagai asas penting dalam melihat dominasi Arab dalam aktiviti perdagangan di Lautan Hindi. Sejak sekian lama, aktiviti perdagangan di Lautan Hindi menjadi medan persaingan antara pedagang-pedagang Arab, Medes (Med) yang berasal dari pesisiran pantai Caspia di bahagian timur laut (north western) Persia⁶¹, dan orang Viking dari Scandinavia. Kejayaan Muhammad al-Qasim menjadi penanda penting kejayaan Arab dalam mengatasi saingan pedagang Med dan Viking dan seterusnya menguasai laluan perdagangan ke timur.⁶²

Muhammad al-Qasim percaya bahawa layanan dan sifat percaya mempercayai harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi memastikan penentangan terhadap pentadbirannya di Sind dapat dikurangkan ke tahap paling minima. Oleh yang demikian, Muhammad al-Qasim menjalin hubungan baik dengan kalangan bukan Islam. Jalinan hubungan ini begitu membantu beliau dalam usaha membentuk satu sistem pentadbiran yang efektif di Sind dan Multan. Beliau memberi layanan baik kepada pemimpin yang tewas seperti Moka, pemimpin Hindu di Bait. Wilayah kekuasaannya dikembalikan dan seterusnya beliau dianugerahkan sejumlah 100,000 dirham dan hadiah lainnya.⁶³ Sisakar, salah seorang menteri Raja Dahir juga menerima layanan yang baik dari Muhammad al-Qasim dan seterusnya melantik beliau sebagai wazir. Malahan Perdana Menteri Raja Dahir yang sememangnya merupakan penentang Islam yang paling lantang turut dimaafkan oleh Muhammad al-Qasim.⁶⁴ Kaksa, sepupu Raja Dahir pula dilantik sebagai penasihat Muhammad al-Qasim kerana kebijaksanaan beliau dalam bidang falsafah dan pentadbiran menyebabkan Muhammad al-Qasim mempertanggungjawabkan Kaksa untuk mengendalikan hal ehwal pengutipan cukai dan perbendaharaan. Kaksa juga digelar sebagai *Mubarak Mushir*. Melihat

kepada hal ini, Muhammad al-Qasim didapati tidak mengganggu sistem pentadbiran yang sedia ada sebaliknya meletakkan pentadbiran tempatan di tangan pembesar-pembesar yang sedia ada.⁶⁵ Sikap terbuka Muhammad al-Qasim ini dapat dilihat dari kunjungannya ke atas kuil Hindu di Aror dan tidak mengganggu kuil tersebut.⁶⁶

Muhammad al-Qasim juga melihat bahawa masjid merupakan institusi yang sangat penting dalam Islam. Oleh yang demikian, sebaik sahaja Muhammad al-Qasim berjaya menguasai Sind, beliau telah mendirikan masjid di bandar-bandar utama. Masjid telah dibina di Daibul, Nirun, Sewistan, Aror dan Multan. Beliau juga turut melantik Imam dan Qadhi. Di Masjid Aror misalnya beliau telah melantik Musa b. Yaqub sebagai Imam. Masjid-masjid di Sind kemudiannya turut berfungsi sebagai medium pendidikan yang penting hingga membolehkan bidang intelektual berkembang pesat di wilayah ini.⁶⁷

Sind juga terus berkembang sebagai pusat komersil dan perdagangan yang penting. Perdagangan kuda terutamanya kuda Arab dan senjata sangat penting. Selain itu, Muhammad al-Qasim juga bergantung kepada sumber pendapatan lain terutamanya hasil cukai tanah, *jizyah* dan cukai *khums* (hasil perlombongan, perikanan, mutiara), *Baj* atau *Kharaj*. Bagi mendapatkan cukai tanah, Brahman telah dilantik sebagai pemungut cukai di seluruh Sind dan beliau bertanggung jawab terhadap rakyat dan pemerintah. Cukai dikenakan 2/5 daripada jumlah barli dan gandum yang dihasilkan di kawasan yang mempunyai sistem pengairan yang baik, 3/10 jika diairi dengan sistem pengairan yang lain dan 1/4 jika tidak diairi sama sekali. 1/3 cukai dikenakan kepada jumlah pengeluaran kurma, anggur dan buah-buahan. Kalangan bukan Islam yang dilindungi atau *dhimmi* pula dikenakan *jizyah*. Seseorang yang mempunyai harta dikenakan 48 dirham setahun, golongan pertengahan 24 dirham, masyarakat kebanyakan 12 dirham sementara golongan wanita, kanak-kanak dan seseorang yang tidak mampu bekerja tidak diperlukan membayar *jizyah*.⁶⁸ Usaha yang dilaksanakan oleh Muhammad al-Qasim bukan sahaja diterima baik oleh pemimpin-pemimpin Hindu, malah masyarakat Sind secara keseluruhannya turut menghargai usaha beliau. Malahan berita kematian Muhammad al-Qasim diterima dengan sedih oleh penduduk Sind.

Islam di Sind Selepas Era Muhammad al-Qasim

Islam yang berkembang sejajar dengan kehadiran Muhammad al-Qasim di Sind kemudiannya mengalami pergolakan tersendiri. Setelah kematian Muhammad al-Qasim dan wilayah Sind ditadbir oleh

gabenor-gabenor seperti Yazid ibn Abu Kabsha, Habib ibn Muhallab, Tamim ibn Zaid dan sebagainya, usaha silih berganti dilakukan oleh raja-raja Hindu untuk merebut kembali wilayah ini dari tangan pemerintahan Islam. Ini termasuk tentangan daripada anak Raja Dahir iaitu Jaisiyah/Jaisinha. Walau bagaimanapun usaha ini berjaya digagalkan oleh gabenor Sind ketika itu iaitu Junaid dan seterusnya cuba memperluaskan kuasa di luar wilayah Sind, Rajputana, Kathiawar dan bahagian utara Gujarat serta menghantar ekspedisi ketenteraan ke Malwa dan Jain. Walau bagaimanapun Junaid telah dipanggil kembali ke Damsyik. Berikutan itu, kedudukan Arab di Sind dan kawasan-kawasan sekitarnya turut berubah. Penentangan raja-raja Hindu kian bertambah hingga menyebabkan pemerintahan Islam di Sind berhadapan dengan pelbagai masalah.

Usaha-usaha telah dilakukan untuk mengembalikan kestabilan di Sind terutamanya oleh gabenor Hakim al-Kalbi. Usaha Hakim al-Kalbi yang penting adalah membina pertahanan yang kukuh di Bandar baru yang dikenali sebagai Mahfuzah. Walau bagaimanapun beliau terbunuh dalam peperangan menentang Raja Hindu. Beliau digantikan oleh Amar ibn Muhammad al-Qasim yang dikatakan oleh Baladhuri telah membina bandar Mansurah antara 730-732 Masihi. Meskipun demikian, sehingga ke hari ini, sarjana masih terus berselisih pendapat mengenai pengasas sebenar bandar ini. Bandar yang dinamakan Mansurah berasal dari perkataan *nasr* bermakna kejayaan. Ini dikaitkan dengan kejayaan orang Arab dalam mengalahkan tentera Sind. Al-Masudi mengaitkan bandar ini dengan gabenor Umayyah yang terakhir di Sind iaitu Mansur ibn Jamhur al-Kabli, bahkan terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa bandar ini dinamakan bersempena dengan nama Khalifah Abbasiyah yang kedua iaitu Abu Jaffar al-Mansur.⁶⁹ Bandar ini merupakan antara bandar terpenting dan terbesar dalam era zaman awal Islam di India dengan keluasan sekitar 275 hektar. Sebagaimana bandar-bandar utama dalam zaman awal Islam ini, Mansurah turut dilindungi oleh tembok pertahanan yang kukuh dan dilengkapi dengan segala kemudahan, pasar atau pusat komersil, bengkel atau kilang membuat tembikar dan peralatan besi, masjid dan rumah-rumah kediaman.⁷⁰

Pemerintahan Umayyah di Sind berakhir pada 746 masihi setelah wakilnya di Sind iaitu Yazid ibn Arar terbunuh dalam peperangan menentang Mansur ibn Jamhur al-Khalbi. Sewaktu Abbasiyah berkuasa, Khalifah As-Saffah telah mengarahkan Abu Muslim Khurasani agar menguasai Sind yang ketika itu seolah-olah sebuah kerajaan bebas di bawah kekuasaan Mansur ibn Jamhur. Setelah berupaya mengalahkan Mansur, Abu Muslim telah melantik Musa ibn

Kab sebagai wakilnya di Sind sebelum digantikan oleh Umar ibn Hafsh.⁷¹ Sehingga kehadiran Ghaznawi pada abad ke 11, beberapa dinasti kecil telah wujud di Sind seperti Dinasti I Labbari yang berkuasa di Mansura antara 854 hingga 1026 Masihi. Multan pula berada di bawah kekuasaan Bani Sammah antara 893 hingga 968 Masihi. Selain itu terdapat juga dua kumpulan di Sindh iaitu Yamani dan Hijazi, malahan pada satu ketika terdapat usaha menentang Khalifah al-Makmun yang berpusat di Sind.

Kedudukan Sind yang jauh serta hubungannya yang renggang dengan Baghdad telah memberi ruang kepada pesaing Abbasiyah iaitu Dinasti Fatimid yang telah berjaya menguasai Mesir dan Syria pada 969 M untuk bertapak di Sind. Utusan pertama menjejakkan kaki ke Sindh pada 883 M menjadi asas kepada penyebaran propaganda Fatimid di Sind.⁷² Pengaruh pihak pro-Fatimid juga semakin kuat apabila mereka berjaya menguasai Multan pada 977 M dan meletakkan doktrin Ismaili sebagai doktrin yang penting di Multan. Ismaili telah memusnahkan kuil-kuil Hindu di Multan yang dilindungi oleh Muhammad al-Qasim dan didirikan masjid di tapak runtuh kuil tersebut.⁷³ Mansurah pula kekal berada dalam penguasaan Hibbari hingga 985 M sebelum diambil alih oleh Ismaili. Kedudukan Ismaili hanya menjadi lemah apabila diserang oleh Mahmud Ghazni pada 1005 M yang berjaya menguasai Multan. Pemerintah Multan ketika itu, Abu-I-Futuh Daud b. Nasr tewas dalam peperangan dengan Mahmud Ghazni dan secara langsung melemahkan kedudukan Fatimid.⁷⁴

Dalam jangka panjang, pertapakan Islam di Sind telah secara langsung membuka wilayah itu kepada kehadiran orang Islam termasuklah golongan peniaga, pemodal, pedagang, ulama dan sebagainya. Mereka kemudiannya mengembangkan aktiviti mereka di Sind. Bandar-bandar seperti Banbhore, Mahfuzah, Mansurah dan Bhiro Bham menjadi pusat perdagangan dan perniagaan yang penting di Sind. Kota Banbhore menjadi kota yang penting. Kota ini merupakan antara kota terawal yang berjaya dikuasai oleh Muhammad al-Qasim. Orang Arab dikatakan telah memperbesarkan kota ini dan dilengkapi dengan segala keperluan. Kota utama mempunyai keluasan 22.3 hektar. Kota ini terus berdiri sebagai kota penting sehingga sekurang-kurangnya abad ke 11 Masihi.⁷⁵ Industri yang berkaitan dengan barangan kulit menjadi tumpuan mereka hingga menjadikan wilayah ini terkenal sebagai pengeluar kasut kulit yang bermutu tinggi dan menerima harga yang mahal di pasaran. Dalam masa yang sama, Sind juga memberikan sumbangan yang bukan sedikit kepada kewangan

kerajaan Islam. Cukai yang dikenakan telah digunakan untuk mengukuhkan kerajaan dan membangunkan masyarakat Islam.

Bidang ilmu sememangnya menjadi aspek yang sangat diberikan perhatian oleh Kerajaan Umayyah mahupun Abbasiyah. Damsyik dan Baghdad menjadi pusat ilmu pengetahuan yang sangat penting dan Sind menjadi penghubung antara Tanah Arab dan Benua Kecil India. Selain itu, penguasaan Islam di Sind juga membolehkan berlakunya interaksi intelektual bukan sahaja di kalangan sarjana Islam tetapi juga antara sarjana Islam dengan sarjana Hindu dan Buddha. Cendekiawan-cendekiawan Hindu yang mahir dalam bidang falsafah, perubatan dan sebagainya sering dijemput mengunjungi Baghdad, malahan wazir Khalifah Harun al-Rashid, Yahya dan kemudiannya, anaknya Musa al-Barmaki turut menghantar sarjana-sarjana Islam ke Sind untuk mempelajari bidang perubatan. Pakar-pakar perubatan dari Sind juga memperolehi kedudukan yang tinggi di Baghdad. Salah seorang dari mereka ialah Makna yang telah berjaya mengubati penyakit Khalifah Harun al-Rashid dan seterusnya dilantik mengendalikan usaha penterjemahan kitab-kitab perubatan Sanskrit. Berikutan itu, bidang penterjemahan karya-karya Sanskrit telah giat dilakukan ke dalam bahasa Parsi dan Arab membolehkan sarjana-sarjana Islam mempelajari dan memperolehi pengetahuan mengenai falsafah, astronomi, matematik, perubatan dan sebagainya. Malahan hasil dari interaksi ini kemudiannya telah meyuburkan perkembangan ilmu pengetahuan ke dunia barat.⁷⁶

Dalam masa yang sama, kota-kota di Sind seperti kota Debal, Multan, Uchh, Thatta dan Mansurah kemudiannya telah muncul sebagai pusat pengajian dan intelektual Islam yang terawal di India. Masjid dan Madrasah yang didirikan untuk tujuan pengajian keilmuan mendapat naungan pemerintah Sind hingga secara langsung menyemarakkan sinar kecemerlangan di wilayah ini. Sind menjadi tumpuan dan dikunjungi oleh kalangan ilmuan Islam. Antara sarjana Islam yang terkemuka yang mengunjungi Sind ialah Abu Hafs al-Asadi dari Basra, al-Rabi b. Sabih, Amr b. Muslim al-Bahili dan al-Mufaddal b. al-Muhalab. Selain itu Sind juga melahirkan ilmuan Islam yang disegani seperti Abu Ma'shar Nujayh as-Sindhi, ilmuan hadis yang jenazahnya disembahyangkan oleh Khalifah Harun al-Rashid dan Rija as-Sindhi yang berhijrah ke Persia dan menerima gelaran *Rukn min arkan al-hadith*.⁷⁷ Malahan Kota Debal telah menjadi pusat pengajian hadis yang terkemuka sejak Sind di kuasai oleh Muhammad al-Qasim. Abu Makhul pula merupakan ilmuan hadis yang terkemuka dan mengembara hingga ke Syria di mana beliau telah dianggap sebagai ulama hadis yang mahir oleh Imam Zuhri. Ulama hadis yang lain

termasuklah Al-Awza'I yang menulis *Kitab al-Masa'il* dan *Kitab al-Sunan*.⁷⁸

Pengajian hadis terus berkembang pesat di Sind pada abad 11 dan 12 Masihi setelah Sind jatuh ke tangan Ghaznawi. Pengajian hadis termasuklah terhadap Sahih al-Bukhari sebagaimana dilakukan oleh Hasan b. Muhammad al-Saghani (1181-1252M) yang telah menyediakan edisi standard bagi memudahkan pengajian terhadap Sahih Bukhari ini. Antara ulama-ulama lain yang turut memberikan tumpuan kepada pengajian hadis termasuklah Shaykh 'Abd al-Haq b. Sayf al-Din b. Sa'd Allah al-Dihli (1551-1642M), Shaykh al-Islam b. Muhib Allah Bukhari al-Dihli dan sebagainya.⁷⁹ Pada abad ke 12 Masihi, Sind juga memperlihatkan kewujudan kumpulan-kumpulan sufi terdiri dari Tareqah Qadiri yang dibawa oleh Shyakh Abdul Qadir Gilani yang menjadikan bahagian utara Sind sebagai pusat kegiatan utama mereka.⁸⁰ Ulama lain termasuklah Imam Anza'i (707-773 M) yang mahir dalam bidang fiqah dan mempunyai ramai pengikut di Syria dan Andalusia. Penyajak Arab kelahiran Sind yang terkemuka ialah Abu al-Ata Sindhi⁸¹, Ibn Juwayrah, Jarir, Al-Farazdaq, Hamzah al-Hanafi dan Abu Dila al-Sindhi. Imam Abu Hanifah juga mempunyai kaitan dengan Sind meskipun beliau dilahirkan di Iraq, namun keluarganya merupakan pendatang dari Sind.⁸² Antara tokoh penulis kitab-kitab keagamaan terkemuka di Sind adalah Ahmed Ibn Muhammad al-Mansuri yang menghasilkan *Kitab al-Misah al-Kabir*, *Kitab al-Hadi*, *Kitab al-Nayyir* dan sebagainya. Tokoh lain ialah Abu Jaffar al Daybuli, Ahmad ibn Abdullah al Daybuli, Al-Hasan ibn Hamid al-Daybuli, Ahmad ibn Muhammad al-Daybuli Muhammad ibn Muhammad al-Daybuli dan Khalf ibn Muhammad al-Daybuli.⁸³

Catatan pengembara-pengembara Arab seperti al-Masudi memberikan maklumat yang penting mengenai kedudukan dan perkembangan Islam di Sind selepas era Muhammad al-Qasim. Al-Masudi yang tiba di Sind mengatakan bahawa antara koloni-koloni Arab yang penting ialah Mansurah, Multan, Dabul dan Nirun. Hubungan antara orang Islam dan bukan Islam pula sangat baik, malah penyembelihan lembu tidak dilaksanakan di Sind bagi menghormati kalangan penganut agama Hindu. S.H Ikram mengatakan, '*This might have been due to a desire to preserve the cattle wealth, but regard for Hindu sentiments may also have been partly responsible for this step*'.⁸⁴ Meskipun tidak terdapat imigrasi secara besar-besaran dan pengaruh Arab juga secara relatifnya terhad, namun Sind dan Multan kekal mempunyai hubungan erat dengan negara-negara Arab, malah ketika lawatan Masudi ke Sind, bahasa Arab dan Parsi dituturkan secara meluas.

Kesimpulan

Dalam masa yang sama, adalah sangat jelas bahawa kedatangan Islam sejak abad ke 8 Masihi di India sebenarnya tidak membabitkan seluruh India. Hanya wilayah-wilayah tertentu sahaja yang memperlihatkan kehadiran dan pengaruh Islam sementara wilayah-wilayah lain masih kekal dengan agama yang dianuti penduduk sejak sebelum kehadiran Islam seperti Hindu, Buddha dan Jaina. Keadaan ini berterusan hinggalah sekurang-kurangnya abad ke 13. Dalam melihat hal ini, R.C Majumdar mengatakan,

"The popular notion that after the conquest of Muhammad Ghuri, India formed a Muslim Empire under various dynasties, is hardly borne out by facts...the major part of India remained free from Muslim domination till almost the very end of the thirteenth century A.D".⁸⁵

Selain dari itu, tempoh antara abad ke-8 hingga kehadiran Mahmud al-Ghazni sering dilihat sebagai 'Era Arab' dalam sejarah Islam di India. Ia melibatkan kehadiran dan pertapakan orang Arab serta interaksi antara mereka dengan masyarakat tempatan. Penguasaan Sind di bawah Muhammad al-Qasim telah meletakkan Sind dalam lingkungan 'empayar Islam' yang kemudiannya menjadi asas kepada perkembangan Islam selanjutnya. Meskipun demikian, 'Era Arab' ini tidak menyebabkan satu penyebaran Islam yang meluas sebaliknya hanya terhad di wilayah-wilayah tertentu. Hal ini berlaku kerana pusat politik di wilayah-wilayah yang dikuasai oleh orang Islam di India seperti di Sind masih lagi terletak di Damsyik atau Baghdad. Jarak yang jauh antara kedua-dua pusat pentadbiran ini menyebabkan sebarang keputusan politik mahupun memperluaskan pengaruh tidak dapat dilaksanakan dengan segera. Malahan Khalifah juga tidak mungkin dapat menjalankan pemerintahan secara efektif hingga menyebabkan ia terpaksa bergantung sepenuhnya kepada gabenor yang dilantik. Gabenor pula tidak mahu melepasi kuasa khalifah. Keadaan menjadi semakin runcing apabila wujud persaingan kuasa politik dengan kemunculan kerajaan-kerajaan bebas di Iraq, Persia dan Afghanistan seperti kerajaan Samanid, Saffavid, Buwayid dan Ghaznavid. Selain itu, wujud juga persaingan aliran membabitkan Sunni dan Syiah atau di antara suku-suku tertentu seperti Nizariyah dan Qahtaniyah. Perbalahan antara Kharijite dan Caramathian pula telah menimbulkan masalah di Kirman, Makran, Sind dan Multan hingga menyebabkan penguasaan wilayah ini ke atas aktiviti perdagangan dan maritim semakin merosot pada abad ke-11.⁸⁶

Nota

- 1 M.S.Khan. "The Five Arab States in South Asia (8th to 11th Centuries)", *Hamdard Islamicus*, Vol. XV, No 2, 1992.
- 2 Lihat S. Maqbul Ahmad, "Commercial Relations of India with the Arab World", dalam *Islamic Culture*, Vol. XXXVIII, No 2, April 1964, hlm. 146.
- 3 Lihat K.A Nizami, "Early Arab Contact with South Asia", dalam *Journal of Islamic Studies*, Vol. 5, No 1, Jun 1994.
- 4 Ibid.
- 5 M.S Khan, "The Five Arab States in South Asia (8th to 11th Centuries)".
- 6 Ibid. Lihat juga K.A Nizami, "Early Arab Contact with South Asia".
- 7 Ibid. Lihat juga S.M. Imamuddin, "Early Preaching of Islam in the Subcontinent with special reference to Sind", dalam *Journal of Pakistan Historical Society*, Vol. XXXIII, Part IV, Oct 1985, hlm. 273.
- 8 Haji Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992, hlm. 2. S. M Ikram mengatakan bahawa aktiviti perdagangan antara kedua wilayah sangat aktif di mana barang-barang dagangan dari India akan dibawa ke Yaman sebelum dibawa melalui jalan daratan ke pelabuhan-pelabuhan di Syria dan seterusnya ke Mesir dan Eropah. Lihat S.M. Ikram, *History of Muslim Civilization in India and Pakistan. A Political and Cultural*, Institute of Islamic Culture, Lahore, 5th Edition, 1993, hlm. 1. Bagi melihat aktiviti perdagangan antara India dengan Barat (Sepanyol) lihat S.M. Imamuddin, "Commercial and Cultural Relations Between Spain and Pak-Indo Subcontinent in the 10th Century", dalam *Islamic Culture*, Vol. XX, No 3, 1981.
- 9 Malahan terdapat kisah di mana ketika utusan seramai 15 orang dengan diketuai oleh Uthman bin Affan dihantar ke Habshah di Afrika Timur untuk memperolehi perlindungan, seramai 4 orang dengan diketuai oleh Abu Waqqas telah berhijrah ke Timur melalui India dan kemudiannya ke Canton sekitar 618-626 Masihi. Tidak disebutkan aktiviti beliau di India namun berkemungkinan India menjadi tempat persinggahan dalam perjalanan ini. Lihat S. M. Imamuddin, "Early Preaching of Islam", hlm. 277.
- 10 Haji Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China*, hlm. 3.
- 11 Suhail Zaheer Lari, *A History of Sindh*, Oxford University Press, Karachi, 1994, hlm. 22. V.D Mahajan, *History of Medieval India*, S.Chand, New Delhi, 1999 (10th Edition), hlm. 16.
- 12 Valeria Fiorani Piacentini, "Traces of Early Muslim Presence", *Islamic Studies*, Vol. 35, No. 2, 1996, hlm. 121.
- 13 Suhail Zaheer Lari, *A History of Sindh*, hlm. 23.
- 14 M.S. Khan, "The Five Arab States in South Asia".
- 15 Suhail Zaheer Lari, *A History of Sindh*, hlm. 23. Untuk melihat usaha-usaha yang dilakukan oleh orang Arab untuk menguasai India, lihat Muhammad H.R. Talukdar, "The Arab Invasions of al-Sind and al-Hind", *Journal of the Pakistan Historical Society*, Vol. XIV, Part II, April 1966.

- ¹⁶ A. Syed Sulaiman Nadvi, *Pelayaran Bangsa Arab* (ter. Mazlan Muslim), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 43. Sebuah tulisan yang sangat penting dalam melihat perjalanan maritim pedagang Arab menuju ke timur boleh dilihat dalam G.R Tibbetts, *Arab Navigation in the Indian Ocean Before the Coming of the Portugese*, Royal Asiatic Socceuty/Luzoc & Co., London, 1971. Tibbett telah menunjukkan carta perjalanan pedagang Arab dari pelabuhan Aden, Mukalla dan Shihr menuju Malabar dan rantau Asia Tenggara. Perjalanan mereka akan merentasi Laut Arab menuju Diu atau Goa dan belayar ke Malabar dan Cape Comorin. Dari sini, mereka akan belayar menuju ke 'Dondra Head' di bahagian selatan Sri Lanka. Dari sini mereka akan belayar menuju Aceh.
- ¹⁷ M.S. Khan, "The Five Arab States in South Asia".
- ¹⁸ Sind dalam zaman Arab ini boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaitu, zaman awal penguasaan, zaman pemerintahan gabenor dan zaman dinasti-dinasti bebas. Lihat Mumtaz A Pathan, "Development and Progress of Arabic Literature in Sind During the Arab Period", *Islamic Culture*, Vol. XLII, No 2, April 1968. Untuk melihat Sind dari sudut geografi menjelang penguasaan Islam, lihat Muhammad Ishaq, *A Glimpses of the Western Boundry Lands of India on the Eve of Arab Invasion*", dalam *Journal of Asiatic Society of Pakistan*, Vol. IV, 1959.
- ¹⁹ Patricia Risso, *Merchants & Faith. Muslim Commerce and Culture in the Indian Ocean*, Westview, Boulder, 1995, hlm. 14
- ²⁰ A. Syed Sulaiman Nadvi, *Pelayaran Bangsa Arab*, hlm. 43.
- ²¹ Valeria Fiorani Piacentini, "Traces of Early Muslim Presence in Makran", hlm. 122.
- ²² Hajjaj al-Yusuf Safaqui merupakan gabenor wilayah timur semasa zaman pemerintahan Abdul Malik Marwan. Kuasa beliau meliputi wilayah Iraq, Turkestan dan Sind. Zaman pemerintahannya selama 40 tahun merupakan zaman makmur perdagangan Islam di laut sebelah timur. Kapal dagang Islam belayar hingga ke Sri Lanka. Lihat, A Syed Sulaiman Nadvi, *Pelayaran Bangsa Arab*, hlm. 30. Hajjaj dilahirkan di al-Taif dari keluarga yang miskin pada 661 M dan meninggal dunia pada 714 Masihi. Pada 1680 menyertai pasukan tentera. Selepas Iraq jatuh ke tangan Umayyah, Hajaj telah dihantar ke Mekah untuk menghapuskan penentangan Abdullah bin Zubair. Beliau telah berjaya membunuh Abdullah dan sebagai balasan, beliau dilantik sebagai gabenor Hijaz. Selepas dua tahun beliau dilantik mentadbir Iraq dan wilayah timur. Lihat Z.I Osensi, 'An Examination of Al-Hajjaj b. Yusuf al-Thaqafi's Major Policies', *Islamic Studies*, Vol. 27, No. 4, 1998 dan Z. I. Osensi, "A Study of the Relationship Between Al-Hajjaj ibn Yusuf al-Tsaqafi and the Marwadi Royal Family in the Umayyad Era", dalam *Hamdard Islamicus*, Vol. X, No 3.
- ²³ Arshad Islam, *Islam in Sindh*, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 21. Kisah lain mencatatkan bahawa lanun-lanun yang berada di perairan Sind bukan merampas wanita dan kanak-kanak yang diutuskan oleh Raja Sri Lanka kepada Hajjaj

sebaliknya ia merupakan tentera dan senjata sebagai hadiah kepada Hajjaj daripada Raja Sri Lanka yang baru sahaja memeluk agama Islam. Selain itu terdapat juga kisah yang mengatakan bahawa tindakan Hajjaj menghantar pasukan tentera ke Sind adalah kerana utusan yang dihantar oleh Hajjaj ke Sind untuk mendapatkan wanita-wanita sebagai hamba dan barangan komoditi dari Sind telah ditangkap oleh lanun. Lihat V.D Mahajan, *History of Medieval India*, hlm. 16.

- ²⁴ Lihat Y. Friedmann, "A Contribution to the Early History of Islam in India", dlm. Myriam Rosen-Ayalon (ed.), *Studies in Memory of Gaston Wiet*, Jerusalem, Institute of Asian and African Studies and The Hebrew University, 1977, hlm. 312.
- ²⁵ Murray M. Titus, *Indian Islam. A Religious History of Islam in India*, Oriental Book, New Delhi, 1979, hlm. 10.
- ²⁶ Dalam melihat 'persaingan' antara Qutaibah dan Muhammad al-Qasim ini, Qutaibah dilihat lebih berjaya sedangkan Muhammad al-Qasim tidak 'bergerak' ke China dari arah Kashmir, sebaliknya kekal di Sind hinggalah di panggil balik ke Damsyik kemudiannya. Lihat N.A. Baloch, "Early Advent and Consolidation of Islam in the lands of Pakistan", dlm. *Hamdard Islamicus*, Vol. III, No 1, January 1980 dan S.Q. Fatimi, "First Muslim Invasion of the N.W. Frontier of the Indo-Pakistan Sub-Continent", dalam *Journal of the Asiatic Society of Pakistan*, Vol. VIII, No 1, June 1963, hlm. 44.
- ²⁷ S.M. Imamuddin, "Early Preaching of Islam in the Subcontinent with Special Reference to Sind", hlm. 281.
- ²⁸ S.M. Ikram, *History of Muslim Civilization*, hlm. 2.
- ²⁹ Arshad Islam, *Islam in Sindh*, hlm. 22.
- ³⁰ Muhammad al-Qasim dilahirkan pada 694 M dari puak Saqqafi yang berasal dari Taif dan juga merupakan sepupu Hajaj. Kesan dari pengaruh Hajaj, beliau telah dilantik sebagai gabenor di Persia dan berjaya menumpaskan penentangan terhadap kerajaan. Beliau kemudiannya berkahwin dengan seorang gadis dari suku Tamim. Terdapat juga pandangan yang mengatakan beliau juga mengahwini anak Hajjaj meskipun pandangan ini kini dipertikaikan. Dari perkahwinannya dengan gadis dari bani Tamim, beliau mempunyai dua orang anak, salah seorang daripadanya ialah Amar ibn Muhammad al-Qasim yang kemudiannya menjadi gabenor di Sind.
- ³¹ Hamka, *Sejarah Umat Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, 1997 (Edisi Kedua), hlm. 484. Terdapat juga sumber yang mengatakan bahawa tentera Muhammad al-Qasim berjumlah 50,000 orang. Lihat V.D Mahajan, *History of Medieval India*, hlm. 17. Di antara pasukan yang terdapat dalam ekspedisi ini termasuklah pasukan tentera berkuda berjumlah 6000 orang, 6000 kavalri, pasukan manjanik 2500 orang, dan tentera berjalan kaki. S.M. Ikram pula menyebut bahawa pasukan ini juga dianggotai oleh 3000 orang tentera menunggang unta.
- ³² Lihat Allama Syed Sulaiman Nadvi, "Daibul", dlm. *Journal of the Pakistan Historical Society*, Vol. I, Part I, Januari 1953, hlm. 9.

- ³³ Kajian mengenai laluan ini telah dilakukan oleh Hakim Mohamed Said. Lihat Taswir Husain Hamidi, "Entry Route of Muhammad Bin Qasim in South Eastern Sindh".
- ³⁴ Haji Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China*, hlm. 28.
- ³⁵ Manjanik (Balistas atau catapults) biasanya digunakan untuk merobohkan kota dan dalam ekspedisi Muhammad al-Qasim ini, 5 buah manjanik telah digunakan dan ia dikendalikan oleh 500 tentera yang terlatih. Manjanik 'al-urus' misalnya memerlukan 500 orang tentera terlatih bagi memastikan keberkesanannya. Lihat S.M. Ikram, *History of Muslim Civilization in India and Pakistan*, hlm. 3. Jika jumlah ini diambilkira, bermakna, untuk mengendalikan 5 buah manjanik ini sahaja, tentera terlatih yang digunakan berjumlah 2,500 orang. Sebuah batu besar akan diletakkan di Manjanik ini sebelum dilepaskan dengan menggunakan roda khas dan dalam serangan menggunakan Manjanik ini ditujukan di bahagian timur kota Daibul. Peperangan untuk menawan kota ini dikatakan berlangsung selama tiga hari. Lihat Allama Syed Sulaiman Nadvi, "Daibul", hlm. 10.
- ³⁶ Lihat A. Syed Sulaiman Nadvi, *Pelayaran Bangsa Arab*, hlm. 30.
- ³⁷ Ungkapan ini diperolehi melalui laman web, SINDHI-L@LISTSERV.UIUC.EDU. Mengenai latar belakang Muhammad al-Qasim dan ekspedisinya menguasai Sindh.
- ³⁸ Untuk mengetahui dengan mendalam mengenai kota ini lihat, Mumtaz A. Pathan, "The Ruins of Bhambhor and its Identification with al-Daybul, the Arab Seaport of Sind", dalam *Islamic Culture*, Vol. XLIII, No 4, Oct 1969.
- ³⁹ Suhail Zaheer Lari, *A History of Sindh*, hlm. 28. Peristiwa ini berlaku di Daibul dan tindakan tentera Islam ini menurut Chah-Nameh dilakukan setelah menerima maklumat dari seorang Brahmin yang memihak kepada Islam setelah dikatakan mengetahui mengenai kejayaan Islam dari pengetahuannya dalam bidang kaji bintang. Lihat Hussain Khan, "The Role of the People of Sind in the Struggle Between Muhammad al-Qasim and Raja Dahir", hlm. 331-332.
- ⁴⁰ Y. Friedman, "A Contribution to the Early History of Islam in India", hlm. 313. Mengenai kedudukan kota Debal atau Dybul, satu artikel yang sangat berguna ialah S. Qudratullah Fatimi, "The Twin Ports of Daybul : A Study in the Early Maritime History of Sind", dlm. Hamida Khuhro (ed.), *Sind Through the Centuries*, Karachi, Oxford University Press, 1981. Lihat juga Allama Syed Sulaiman Nadvi, "Daibul".
- ⁴¹ Lihat N.A. Baloch, "Early Advent and Consolidation of Islam in the Lands of Pakistan".
- ⁴² Penyakit yang disebabkan memakan daging secara berlebihan.
- ⁴³ S.M Ikram, *History of Muslim Civilization in India and Pakistan*, hlm. 3.
- ⁴⁴ Andre Wink, *al-Hind*, hlm. 161.
- ⁴⁵ Lihat Hussain Khan, "The Role of the People of Sind in the Struggle Between Muhammad ibn Qasim and Raja Dahir", dalam *Journal of the Asiatic Society of Pakistan*, Vol. XIV, No 3, Disember 1969, hlm. 341.
- ⁴⁶ K.A Nizami, "Early Arab Contact with South Asia", hlm. 61.

- ⁴⁷ S.M. Ikram, *History of Muslim Civilization in India and Pakistan*, hlm. 5. Tindakan yang dilakukan oleh penganut agama Buddha ini berasaskan kepada latar belakang hubungan yang renggang antara penganut agama tersebut yang besar jumlahnya di Sindh dengan pemerintah yang menganut agama Hindu. Sebelum Raja Dahir, sewaktu Sindh diperintah oleh Raja Chah, 622-666, penganut agama Buddha menghadapi tekanan yang sangat besar dalam menjalankan amalan agama mereka. Mereka dilarang membawa senjata, memakai sutera atau menunggang kuda dengan pelana. Mereka juga dikehendaki untuk berjalan tanpa memakai kasut. Tekanan sebegini masih dirasakan oleh penganut agama Buddha ketika di bawah pemerintahan Raja Dahir.
- ⁴⁸ Suhail Zaheer Lari, *A History of Sindh*, hlm. 19. Lihat juga Syed Sulayman Nadvi, "The Early Relations Between Arabia and India", *Islamic Culture*, Vol. XI, No2, April 1937, hlm. 175-176.
- ⁴⁹ Hussain Khan, "The Role of the People of Sind", hlm. 328-335.
- ⁵⁰ Hamka, *Sejarah Umat Islam*, hlm. 485. Sebenarnya terdapat banyak kisah yang dikatakan menyebabkan kemarahan Khalifah hingga membawa kepada kematian Muhammad al-Qasim. Antaranya termasuklah kisah dimana dua anak Raja Dahir iaitu Surya Devi dan Parmal Devi telah dihantar kepada Khalifah sebagai 'hadiah', namun begitu, kedua-duanya mengatakan bahawa mereka telah ditiduri lebih awal oleh Muhammad al-Qasim. Hal ini menimbulkan kemarahan Khalifah dan memerintahkan Muhammad al-Qasim dijatuhkan hukuman bunuh kerana mencemari 'hadiah' Khalifah. Lihat juga Mahomed Masoom, *A History of Sind Embracing the Period from AD 710 to AD 1590*, (tra. By George Greeville Malet), Education Society's Press, Bombay, 1885. Dua kisah ini merupakan kisah yang paling dominan mengenai kematian Muhammad al-Qasim. Kedua kisah ini berasaskan dari dua sumber yang berbeza. Kisah mengenai hukuman oleh Khalifah Sulaiman yang dijatuhkan oleh Muhammad al-Qasim diperolehi dari *Futuh al Buldan* karya Ahmad ibn Yahya ibn Jabir al-Baladhuri sementara kisah Muhammad al-Qasim dan al-Wali berasaskan kepada Chach-Nama yang berasaskan kepada *Tarikh-us-Sind* atau turut dikenali sebagai *Tarikh-I-Masumi*. Untuk mengetahui secara mendalam mengenainya lihat S.M Jaffar, "End of Imad-ud-din Muhammad Ibn Qasim, The Arab Conqueror of Sind", *Islamic Culture*, Vol. 56, No 1, January 194 Kisah lain mengatakan bahawa wujudnya dua kumpulan di Damsyik yang saling berebutkan kuasa. Salah satu kumpulan menentang Hajaj dan Muhammad al-Qasim dan seterusnya mendesak Khalifah menjatuhkan hukuman sebelum mereka menjatuhkan Khalifah. Lihat V.D. Mahajan, *History of Medieval India*, hlm. 19. Selain hukuman atas kesalahan yang tidak jelas ialah Musa bin Nusair yang berjaya menguasai Afrika Utara dan Sepanyol dan Qutaibah bin Muslim yang berjaya menguasai Asia Tengah.

- ⁵¹ Muhammad H.R. Talukdar, "The Arab Invasion of al-Sind and al-Hind" dlm. *Journal of the Pakistan Historical Society*, Vol. XIV, Part 2, April 1966, hlm. 122.
- ⁵² Arshad Islam, *Islam in Sindh*, hlm. 27.
- ⁵³ Antara sarjana yang berpandangan sebegini termasuklah Stanley Lane-Poole yang mengatakan, "The Arabs had conquered Sind but the conquest was only an episode in the history of India and of Islam, a triumph without result". Lihat Stanley Lane-Poole, *Medieval India*, Delhi, 1963, hlm. 24. S. W. Haig pula mengatakan, "It was a mere episode in the history of India and affected only a small portion of the fringe of that vast country", dlm. S.W. Haig, *Cambridge History of India*, Vol. III, Turk and Afghans, New Delhi, 1965, hlm. 1-10.
- ⁵⁴ Taswir Husain Hamidi, "Entry Route of Muhammad Bin Qasim in South Eastern Sindh", dlm. *Journal of the Pakistan Historical Society*, Vol. XLV, No 4, Oktober 1997. Kepentingan kehadiran Muhammad al-Qasim diingati oleh masyarakat Islam di Asia Selatan pada 10 Ramadhan setiap tahun di mana kisah keberanian beliau diperdengarkan dan dihayati dengan khusyuk.
- ⁵⁵ M.S Khan, "The Five Arab States in South Asia".
- ⁵⁶ K.A Nizami, "Early Arab Contact with South Asia", hlm. 60-61. Lihat juga S.M. Jaffar, "The Arab Administration of Sind", dlm. *Islamic Culture*, Vol. XVII, No 2, April 1934, hlm. 120.
- ⁵⁷ Lihat Mohammad Tahir Mallick, "Early Traditionalists of Sind", dlm. *Journal of the Pakistan Historical Society*, Vol. XXVII, Part 2, April 1979, hlm. 156.
- ⁵⁸ Lihat, Muhammad H.R Talukdar, "The Arab Invasions of al-Sind and al-Hind", hlm. 121.
- ⁵⁹ Patricia Risso, *Merchants & Faith*, hlm. 14.
- ⁶⁰ Dipetik dari K.A Nizami, 'Early Arab Contact with Sout Asia', notakaki 61.
- ⁶¹ Orang Meds disebutkan oleh al-Baladhuri sebagai 'those people who pirate in the sea'. Mereka dikatakan menetap di perairan Makran, Sind dan Kathiawar. Mereka juga disebut sebagai orang Nakamrah dan merupakan lanun yang bertanggung jawab mengganggu pedagang-pedagang Islam di perairan Sind serta menculik wanita dan kanak-kanak Islam yang dihantar oleh pemerintah Sri Lanka kepada Hajjaj. Mereka jugalah yang bertanggung jawab membakar 8 buah kapal tentera Arab ketika peperangan berlangsung. Lihat Hussain Khan, "The Role of the People of Sind in the Struggle Between Muhammad al-Qasim and Raja Dahir", hlm. 326 dan 331.
- ⁶² S.M. Imamudin, "Early Preaching of Islam in the Subcontinent with special reference to Sind", hlm. 280.
- ⁶³ Lihat Hussain Khan, "The Role of the People of Sind in the Struggle Bewteen Muhammad al-Qasim and Raja Dahir", hlm. 339-340.
- ⁶⁴ N. A. Baloch, "Early Advent and Consolidation of Islam in the Lands of Pakistan".

- ⁶⁵ Muhammad al-Qasim bukan sahaja mengekalkan sistem pentadbiran tempatan yang sedia ada dan tidak diganggu tetapi juga amalan dan beberapa peraturan yang diguna pakai sebelumnya seperti sesetengah suku kaum yang tidak dibenarkan menunggang kuda, memakai pakaian yang indah atau memakai kasut seperti Jat dan Lohanas. Orang Jat dikatakan menerima layanan yang paling buruk dan mereka dirujuk sebagai kelas Sudra hingga seringkali menjadi mangsa diskriminasi sosial yang sangat ketara. Lihat S.M. Jaffar, "The Arab Administration of Sind", hlm. 121-123. Lihat juga Hussain Khan, "The Role of the People of Sind in the Struggle Between Muhammad al-Qasim and Raja Dahir", hlm. 329-340.
- ⁶⁶ N.A. Baloch, "Early Advent and Consolidation".
- ⁶⁷ Ibid.
- ⁶⁸ S.M. Jaffar, "The Arab Administration of Sind", hlm. 126. Lihat juga V.D. Mahajan, *History of Medieval India*, hlm. 20.
- ⁶⁹ Untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan perbalahan mengenai pengasas bandar Mansurah ini lihat Mumtaz Hussain A. Pathan, "Foundation of Al-Mansurah and its Situation", dlm. *Islamic Culture*, Vol. XXXVIII, No 3, July 1964.
- ⁷⁰ Mohammad Rafique Mughal, 'Early Muslim Cities in Sindh and Patterns of International Trade' dlm. *Islamic Studies*, Vol. 31, No 3, 1992, hlm. 269. Antara sumber lain mengenai Al-Mansurah lihat Nargis Rashid, "Al-Mansurah-The Lost City", dlm. *Journal of Pakistan Historical Society*, Vol. XLVI, No 4, Oct-Dis 1998, Mumtaz A. Pathan, "Present Ruins of Al-Mansurah", dlm. *Islamic Culture*, Vol. XLII, No 1, January 1968.
- ⁷¹ Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa setelah Abbasiyah mengambil alih kuasa dari dinasti Umayyah, pentadbiran di Sindh turut diambil alih oleh Abbasiyah di mana gabenor Abbasiyah pertama di Sindh ialah Hisyam yang datang ke Sindh pada 757 M. Lihat S.M Ikram, *History of Muslim Civilization in India and Pakistan*.
- ⁷² Utusan ini ialah al-Haitham yang dihantar oleh Abu-I-Qasim b. Hausab atau lebih dikenali sebagai Mansur al-Yaman dan berjaya menyebarkan fahaman Ismaili di Sindh. Lihat S.M Stern, "Ismaili Propaganda and Fatimid Rule in Sind", dlm. *Islamic Culture*, Vol. XXIII, No 4, October 1949, hlm. 299.
- ⁷³ Untuk keterangan lanjut mengenai suasana di Sind antara tempoh kehadiran Muhammad al-Qasim hingga kehadiran Ghaznawi, lihat Arshad Islam, *Islam in Sind*, hlm. 25-38.
- ⁷⁴ S.M. Stern, "Ismaili Propaganda and Fatimid Rule in Sind", hlm. 303. Lihat juga Ansar Zahid Khan, "Ismailism in Multan and Sind", dlm. *Journal of the Pakistan Historical Society*, Vol. XXIII, Part 1, January 1975.
- ⁷⁵ Mohammad Rafique Mughal, 'Early Muslim Cities in Sindh and Pattern of International Trade', hlm. 268.
- ⁷⁶ Patricia Risso, *Merchants & Faith*, hlm. 22.
- ⁷⁷ Ungkapan ini bermakna 'one of the pillar of tradition'. Lihat K.A. Nizami, "Early Arab Contact with South Asia", hlm. 62. Lihat juga

- Syed Sulayman Nadvi, "The Early Relations Between Arabia and India", hlm. 177.
- ⁷⁸ Lihat Arshad Islam, "Development of Islamic Education and Learning in Sindh (712-1526)", dalam *Journal of the Pakistan Historical Society*, Vol. XLIV, Part I, January 1996, hlm. 102.
- ⁷⁹ Lihat N.A Baloch, 'Impact of Imam Al-Bukhari's Work in Sind and Hind : Studies of His Jami' Sahih with Special Reference to Atraf', dlm. *Hamdard Islamicus*, Vol. XXII, No 4, Oct-Dec 1999. Untuk melihat senarai ahli-ahli hadis serta kalangan ulama di Sind lihat juga Muhammad Tahir Mallick, "Early Traditionalists in Sind".
- ⁸⁰ Lihat Ansar Zahid Khan, "The Role of the Qadiri Sufis in the Religious Life of Sind", dalam Hamida Khuhro (ed.), *Sind Through the Centuries*, hlm. 118.
- ⁸¹ Nama sebenar beliau ialah Aflah ibn Yasar, dilahirkan dan dibesarkan di Kufah, Iraq, bapanya berasal dari Sind. Abu Ata al-Sindhī merupakan antara penyajak yang prolitik dalam kesusasteraan Arab. Bakatnya dikagumi antara lain oleh Nasr ibn Sayyar dan Hammad al-Rawiyah. Lihat Mumtaz A. Pathan, "Development and Progress of Arabic Literature in Sind During the Arab Period", hlm. 111- 112.
- ⁸² S.H. Ikram, *History of Muslim Civilization in India and Pakistan*, hlm. 20.
- ⁸³ Untuk keterangan lanjut mengenai tokoh-tokoh ini lihat Mumtaz A. Pathan, "Development and Progress of Arabic Literature in Sind During the Arab Period", hlm. 119-121.
- ⁸⁴ S.H. Ikram, *History of Muslim Civilization in India and Pakistan*, hlm. 18.
- ⁸⁵ Di petik daripada Peter Riddell, "Earliest Quranic Exegetical Activity in the Malay-Speaking States", dlm. *Archipel* 38, 1989, hlm. 109.
- ⁸⁶ M.S. Khan, "The Five Arab States in South Asia". Muhammad Rafiq Mughal pula mengatakan bandar Mansurah, Banbhore pula mengalami kemerosotan sekitar abad ke 12 Masihi dan ia disebabkan gangguan dalam laluan perdagangan hingga menyebabkan bekalan komoditi tidak dapat berjalan lancar sebelumnya. Bekalan komoditi dari aktiviti perdagangan antarabangsa merupakan antara asas penting yang menghidupkan bandar-bandar ini dan gangguan bekalan komoditi menyebabkan kemakmuran bandar-bandar ini terjejas. Lihat Mohammad Rafiq Mughal, "Early Muslim Cities in Sindh and Pattern of International Trade", hlm. 271.